



**ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF  
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S  
(AIJBES)**

[www.aijb.es.com](http://www.aijb.es.com)



## **CABARAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DALAM MENGUASAI MINDA KEUSAHAWANAN**

### *CHALLENGES OF COMMUNITY COLLEGE STUDENTS IN MASTERING ENTREPRENEURIAL MINDSET*

Nurhidayati Mad Noh<sup>1\*</sup>, Norasmah Othman<sup>2</sup>, Radin Siti Aishah Radin A.Rahman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: P117130@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: lin@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: radin@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 18.03.2024

Revised date: 04.04.2024

Accepted date: 30.04.2024

Published date: 11.06.2024

#### **To cite this document:**

Noh, N. M., Othman, N., & Rahman, R. S. A. R. A. (2024). Cabaran Pelajar Kolej Komuniti Dalam Menguasai Minda Keusahawanan. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 6 (20), 19-28.

**DOI:** 10.35631/AIJBES.620002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



#### **Abstrak:**

Keusahawanan merupakan laluan baru bagi kelangsungan hidup manusia dan ekonomi semasa dimana saing ekonomi dan kesejahteraan individu bergantung kepada masyarakat yang berpendidikan. Matlamat Kolej Komuniti adalah untuk melahirkan individu berkemahiran, berminda usahawan dan mempunyai potensi diri menghadapi pelbagai cabaran. Namun demikian, pelajar Kolej Komuniti menghadapi cabaran dalam menguasai minda keusahawanan. Kertas kerja ini akan menyelidik cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai minda keusahawanan. Isu-isu seperti kurang pemahaman tentang keusahawanan, kurang sokongan dan sumber maklumat, ketakutan gagal dan kekurangan kemahiran keusahawanan turut dibincangkan. Kertas kerja ini turut meneliti tentang cadangan menanggani permasalahan pelajar kolej komuniti dalam menguasai minda keusahawanan dari segi persediaan pihak Kolej Komuniti yang melibatkan menyediakan program pembelajaran yang terarah dan praktikal, memperkenalkan mentor keusahawanan Kolej komuniti dan mewujudkan ruang kerja bersama untuk pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan. Manakala persediaan pelajar dari segi menguasai ilmu berkaitan keusahawanan. Akhir sekali, kertas kerja ini juga menggariskan keperluan untuk strategi pembangunan keusahawanan yang holistik dan bersepada dalam meningkatkan pemahaman dan penguasaan minda keusahawanan di kalangan pelajar khususnya di Kolej Komuniti di Malaysia.

**Kata Kunci:**

Minda Keusahawanan, Kolej Komuniti, Cabaran, Kemahiran Keusahawanan

**Abstract:**

Entrepreneurship is a new path for the sustainability of human life and the economy, where economic competitiveness and individual well-being depend on an educated society. The goal of Community College is to produce skilled individuals, entrepreneurial-minded and self-potential individuals capable of facing various challenges. However, Community College students face challenges in mastering entrepreneurial mindset. This paper will investigate the main challenges faced by students in mastering entrepreneurial mindset. Issues such as lack of understanding of entrepreneurship, lack of support and information sources, fear of failure, and lack of entrepreneurial skills are also discussed. This paper also examines proposals to address the problems faced by Community College students in mastering entrepreneurial mindset, in terms of Community College preparation involving providing structured and practical learning programs, introducing entrepreneurial mentors from Community College, and creating shared workspaces for students interested in entrepreneurship. In terms of student preparation in mastering entrepreneurship-related knowledge. Finally, this paper also outlines the need for holistic and integrated entrepreneurship development strategies to enhance understanding and mastery of entrepreneurial mindset among students, especially in Community Colleges in Malaysia.

**Keywords:**

Entrepreneurial Mindset, Community College, Challenges, Entrepreneurial Skills

## Pengenalan

Aspirasi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), kerajaan akan terus memacu negara ke arah ekonomi yang bebas, luas, dan inklusif serta mengambil kira semua orang, selaras dengan semangat "Keluarga Malaysia." Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030), telah meletakkan Malaysia di landasan yang betul untuk menjadi Negara Keusahawanan Unggul menjelang 2030. DKN2030 ialah Rancangan Malaysia Ke-12 yang menetapkan visi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang 2030. Pendidikan keusahawanan adalah sangat penting dalam membentuk belia Malaysia yang mana Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlu menerapkan pemikiran keusahawanan kepada para pelajar untuk memastikan mereka bersedia menempuh cabaran yang bakal dihadapi pada masa hadapan (U. Hytti et al.,2004).

Pelaksanaan enam (6) Teras Strategik di bawah DKN2030 merupakan langkah penting dalam melaksanakan budaya keusahawanan. Teras Strategik ini merangkumi pembangunan keusahawanan, meningkatkan produktiviti dan daya saing, membangunkan kepakaran dan kepimpinan, membangunkan usahawan digital, membangunkan usahawan sosial, dan meningkatkan akses kepada pembiayaan keusahawanan. Melalui pelaksanaan Teres Strategik ini, lebih banyak peluang dan sokongan akan diberikan kepada usahawan untuk memajukan perniagaan mereka. Selain itu, pendidikan keusahawanan akan dipertingkatkan bagi

melahirkan lebih ramai graduan yang berjiwa keusahawanan. Ini diharap dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dan membantu meningkatkan transformasi ekonomi negara. Pemangkin kepada proses transformasi ekonomi inklusif dan komuniti keusahawanan negeri adalah melibatkan semua lapisan masyarakat dalam aktiviti keusahawanan. Melaksanakan budaya keusahawanan yang inklusif akan memastikan semua individu, termasuk golongan miskin dan terpinggir, mempunyai peluang yang mencukupi untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Ini akan membantu meningkatkan keadilan sosial dan mengurangkan jurang ekonomi dalam masyarakat. Kesimpulannya, pembentukan masyarakat Malaysia yang berfikiran keusahawanan adalah asas untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030. Pelaksanaan budaya keusahawanan melalui pelaksanaan enam (6) Teras Strategik di bawah DKN2030 adalah pemangkin kepada proses transformasi ekonomi inklusif dan komuniti keusahawanan negara. Dengan sokongan dan kesediaan semua pihak, Malaysia boleh mencapai visi menjadikan negara ini sebuah negara keusahawanan terkemuka menjelang 2030.

Pendidikan TVET memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dalam membantu melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan inovatif, dan membantu negara bersaing dalam pasaran global. Pendidikan TVET juga memberi tumpuan menyediakan kemahiran praktikal dan pengetahuan teknikal, mengajar cara berfikir secara kritis, berinovasi dan menangani perubahan dengan cepat kepada pelajar bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi (Mohammad, 2019). Dasar dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah di guna pakai oleh Jabatan Pendidikan Pengajian Tinggi Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai-nilai keusahawanan ke dalam sistem pendidikan tinggi negara kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti. Kolej Komuniti merupakan institusi yang dapat memberi impak yang besar kepada pembangunan keusahawanan terutama kepada masyarakat. Sehubungan dengan usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai siswazah yang menjadi usahawan. Membangunkan minda keusahawanan pelajar Kolej Komuniti dapat membantu pelajar untuk menjadi usahawan yang berjaya pada masa hadapan dengan menerapkan ciri keusahawanan seperti mempunyai keyakinan diri, kreatif dan inovatif, akauntabiliti, berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif, berupaya bekerja secara berpasukan, berkebolehan untuk menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan segera dalam membentuk minda keusahawanan yang mantap (Gelderan, 2008; Nurul, 2019; Nurazmaliza, 2020).

### **Kolej Komuniti, Pelajar dan Minda Keusahawanan**

Kolej Komuniti merupakan institusi keusahawanan yang menyediakan latihan kemahiran dan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk masyarakat setempat yang mempunyai infrastruktur lengkap bagi memenuhi keperluan warganya dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dan keusahawanan. Pada tahun 2023, bilangan Kolej Komuniti adalah sebanyak 105 Kolej Komuniti di seluruh negara yang menawarkan 39 program pengajian peringkat sijil dan 17 program diploma Kolej Komuniti. PolyCC juga menawarkan Sijil Kemahiran Khas Politeknik dan Sijil Asasi Khas Kolej Komuniti khusus bagi mereka yang mempunyai masalah keupayaan pendengaran dan pembelajaran (Portal JPPKK,2023). Ini bermaksud sesiapa sahaja boleh menceburi pendidikan TVET di negara ini. Perkara yang paling penting untuk dipertimbangkan oleh mana-mana negara ialah keusahawanan (Ajzen 1991; Khaled 2007; Abd Halim Ahmad et.al., 2012). Ini disebabkan keusahawanan memainkan peranan besar berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi yang boleh membawa perubahan dari segi struktur sosial dan masyarakat, kemantapan sumber pekerjaan dan penghasilan. teknologi baru yang melibatkan

kualiti kehidupan manusia (Ajzen 1991; Armanurah, Nor Aishah & Hussin 2011). Sekali gus berperanan sebagai penyumbang terbesar dalam tanggungjawab menukar cara hidup masyarakat dunia (Armanurah et.al., 2011).

Pelajar mesti mengutamakan idea-idea inovatif seperti keperluan untuk menjangka perubahan, menjalankan tugas, membuat persediaan untuk tindakan, menjangka kegagalan serta keperluan untuk mengelakkan pemikiran negatif dan motivasi yang tidak sesuai untuk pelajar (PTK-IPT 2021-2025). Dalam memulakan perniagaan, keinginan seseorang untuk menjadi seorang usahawan mempengaruhi tindakan mereka Kalafatis et.al.,(1999) dan De Clercq et.al.,(2013).

Keusahawanan ialah perspektif yang mengubah cara orang berfikir secara revolusioner tentang membuat keputusan dan cara menjalankan perniagaan melangkaui disiplin akademik dan konsep penciptaan perniagaan tradisional dan pengurusan perniagaan kecil. Keusahawanan ialah minda sebagai kerangka pemikiran dan tindakan yang boleh memperkasakan seseorang untuk berjaya. Keperluan untuk pemikir keusahawanan dalam masyarakat muncul sebagai tindak balas kepada perubahan dunia yang pesat dan kompleks. Fikiran keusahawanan mendedahkan peluang, mencetuskan cita-cita, dan menggalakkan inovasi yang mengubah pemikiran setiap hari ke dalam rangka kerja baharu, memperkasakan orang ramai untuk mengenal pasti masalah, menggunakan penyelesaian dan membuat hubungan menggunakan pemikiran kreatif, kritis, komunikatif dan kolaboratif. Akibatnya, minda keusahawanan mampu memperkasakan orang awam untuk mencapai pencapaian yang membanggakan. Tiada formula yang betul yang menjamin kejayaan seseorang usahawan, tetapi ada satu perkara yang membolehkan seseorang itu berjaya dalam bidang keusahawanan iaitu minda sebagai panduan kepada keputusan majikan untuk bertindak.

Minda ialah kebolehan seseorang untuk berfikir, menganalisis, dan menyimpulkan sesuatu berdasarkan sudut pandangan tertentu. Setiap manusia pastinya mempunyai pemikiran yang berbeza-beza bergantung kepada sudut pandangan masing-masing (Fajrillah, 2020). Minda ialah kepercayaan yang mempengaruhi sikap dan set kepercayaan atau cara berfikir seseorang yang menentukan tingkah laku dan pandangan, sikap, dan masa depan seseorang. (Gunawanin, 2021). Kajian Neneh, (2012) mencadangkan bahawa memperoleh minda keusahawanan memerlukan pembelajaran semula bagaimana untuk memotivasi diri, mengambil risiko, dan menjadi kreatif dan inovasi. Pendidikan keusahawanan merangsang kesedaran inovatif terhadap pendidikan keusahawanan, memupuk minda keusahawanan dan menembusi kecekapan (Xu, 2020). Mempertingkatkan minda keusahawanan dan berfungsi dengan orientasi keusahawanan menyediakan pemimpin yang baru muncul dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan untuk menghadapi kerumitan dalam organisasi. (Victor, 2018).

Dalam konteks mencipta perniagaan, kemahiran membuat keputusan sangat penting dan memerlukan perancangan yang baik dan efikasi keusahawanan yang tinggi (Newman et.al., 2018). Menurut Te Tie et.al., (2019), aspirasi kerjaya keusahawanan mempunyai hubungan yang positif dengan efikasi keusahawanan. Kajian Din et.al., (2016), menyatakan kesan efikasi keusahawanan menjadikan individu bermotivasi untuk mencapai matlamat menjadi ahli perniagaan yang berjaya. Kajian Nor Hamizah et.al., (2020) juga menunjukkan bahawa kebolehan membuat keputusan mempunyai kaitan dengan daya tahan, yang boleh membantu pelajar menghadapi cabaran sosial dan emosi.

Kemahiran menyelesaikan adalah sebagai proses kognitif yang menggunakan maklumat untuk mencari kaedah yang sesuai untuk dicapai matlamat (Azizi, 2010). Menurut Ayu dan Ariyadi (2018), kebolehan menyelesaikan masalah pelajar boleh dimanfaatkan untuk mengukur pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, pengalaman penyelesaian isu dalam kehidupan seharian biasanya tidak berstruktur, rumit, dan pelbagai, menyebabkan pelajar tidak dapat menangani masalah di luar bilik darjah kerana kekurangan penyelesaian masalah yang mencukupi dan kemungkinan untuk aplikasi pengetahuan dalam senario dunia sebenar. (Kuang, Szu, & Kuen, 2014).

Kemahiran mengesan peluang merupakan elemen ketiga dalam minda usahawan. Menurut Nor Liza et.al., (2019) kemahiran mengesan peluang adalah untuk mengenal pasti produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai dan boleh ditukarkan kepada keuntungan. Kemahiran mengesan peluang bukan sahaja mengenal pasti idea daripada peluang yang mempunyai potensi tetapi juga boleh mengarahkan seseorang untuk menukar peluang kepada usaha yang berjaya (Wasdani & Manimala, 2015).

Berani mengambil risiko adalah kecenderungan untuk mengambil tindakan terhadap sesuatu yang dianggap berisiko (Wenhong & Liuying ,2010). Pengambilan risiko adalah penting untuk pembangunan sesebuah minda keusahawanan (Ireland, Hitt, & Sirmon, 2003). Banyak perkara yang boleh membuatkan seseorang itu berani dalam membuat keputusan yang melibatkan risiko. Sesetengah pakar percaya bahawa tahap risiko yang sanggup diambil oleh seseorang dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah pengalaman, umur, persepsi risiko, dan jantina. Keupayaan untuk menangani situasi berisiko, kesediaan mencuba sesuatu yang baru dan keberanian menjalankan aktiviti di luar Zon selesa adalah merupakan petunjuk bagi mengenalpasti pengambilan risiko seseorang (Yurtkoru, Acar, & Teraman (2014) & Rohrmann ,2005)

### **Isu dan Permasalahan Pelajar Kolej Komuniti dalam Menguasai Minda Keusahawanan**

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited untuk mencapai matlamat kerajaan untuk meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan untuk melahirkan lebih ramai penjana pekerjaan (*jobcreator*) (PTK-IPT 2021-2025, DKN 2030). Selain menawarkan graduan TVET POLYCC berkualiti tinggi yang tersedia dari segi *high skill, high tech, and high art*. (Tranformasi TVET Digital PolyCC 2023-2027). Untuk mencapai matlamat ini, KPT telah mencipta beberapa garis panduan penting, termasuk Garis Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021–2025, dan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi. Setiap tahun, institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta berjaya menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi dan mempunyai minda kelas pertama yang memenuhi pelbagai aspek pengajian sejak semester pertama. (Chelah, 2019) Pada tahun 2021, KPT juga mula melaksanakan program peningkatan kemahiran graduan melalui penggunaan Pelan Jana Ekonomi (PENJANA), khususnya PENJANA KPT-CAP untuk graduan IPTS. PENJANA mempunyai tiga program berasingan, *Place and Train*, Keusahawanan, dan Ekonomi Gig yang bertujuan untuk membantu pelajar dalam mendapatkan pekerjaan. Selain itu, KPT kini sedang membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025, yang memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran dan kurikulum abad ke-21 selaras dengan keperluan industri. Pelan ini bertindak sebagai panduan kepada IPT untuk memastikan keperluan kebolehpasaran

graduan dapat dipenuhi. Melalui pendekatan pelan ini, graduan akan lebih bersedia memasuki landskap pekerjaan baharu.

Bagi merealisasikan hasrat dan saranan KPT, potensi diri atau kebolehan diri pelajar sangat penting bagi pelajar menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan di alam pembelajaran dengan dunia yang semakin mencabar (Mary, 2015). Minda keusahawanan merupakan penentu keputusan pelajar dalam kerjaya keusahawanan (Karim & Venkataiah, 2016). Minda positif pelajar terhadap keusahawanan telah dikenal pasti sebagai penyelesaian penting untuk menyelesaikan masalah pengangguran graduan dan minda keusahawanan didapati menjadi peramal aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar (Ayesha, 2017). Tambahan pula, peralihan graduan atau pelajar ke pasaran buruh dengan sedikit atau tiada minda keusahawanan yang positif telah memberi kesan buruk kepada pembangunan negara di dunia (Ayesha, 2017). Salah satu faktor yang boleh membantu memupuk peralihan ekonomi ialah bergantung kepada graduan universiti yang dilengkapi dengan pengetahuan keusahawanan dari zaman universiti.

Namun dalam memastikan matlamat tercapai, terdapat beberapa isu dan masalah yang dihadapi pelajar terutama pelajar Kolej Komuniti. Antaranya adalah kurang pemahaman tentang keusahawanan. Kebanyakan pelajar kolej komuniti mungkin tidak memahami sepenuhnya konsep dan praktik keusahawanan. Pelajar tidak tahu bagaimana memulai dan menguruskan perniagaan sendiri. Menurut Kajian Jing et al., (2016) di China, kecenderungan pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan adalah disebabkan kurang pendedahan keusahawanan semasa pengajian. Kurangnya pendedahan ini menjelaskan bahawa pengetahuan dan kebijaksanaan pelajar dalam bidang keusahawanan berada pada tahap yang kurang memuaskan. (Azmi et al., 2012; Jing et al., 2016; Lee et.al., 2017).

Selain itu, kurang sokongan dan sumber maklumat juga menyebabkan pelajar mungkin tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada sokongan, latihan, dan sumber maklumat berkaitan dengan keusahawanan (Fragoso et al., 2020). Pelajar mungkin tidak tahu di mana untuk mendapatkan bantuan dan nasihat yang diperlukan. Lebih banyak latihan dan pendedahan kepada pelajar dapat memperluas lagi program keusahawanan yang ada di kolej komuniti agar dapat meningkatkan pemahaman dan keberanian pelajar untuk merebut peluang perniagaan (Nurfadillah, 2020). Justeru itu, tidak kira tahap latihan atau peluang keusahawanan yang diberikan kepada seseorang individu, pemikiran individu tersebut boleh membantutkan kualiti hasil yang direkodkan kerana minda menentukan sebahagian besarnya seseorang itu berjaya (Abu Bakar, 2016).

Permasalahan yang seterusnya adalah ketakutan gagal. Kesedaran tentang risiko dan ketakutan akan kegagalan mungkin menjadi halangan bagi pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Kesilapan atau lewat membuat keputusan boleh mendorong kepada kerugian untuk merebut peluang baharu atau kegagalan perniagaan (Norfadhilah & Halimah, 2010). Pelajar mungkin tidak berani mengambil risiko dan mencuba hal baru kerana takut kehilangan wang dan reputasi (Norasmah et al., 2009). Menurut data daripada Global Entrepreneurship Monitor Report (GEM) 2022, Kadar Takut Akan Kegagalan menunjukkan Malaysia berada dalam kedudukan yang ke-4 dari negara yang lain seperti Thailand, Indonesia dan Vietnam. Peratusan yang di perolehi oleh Malaysia ada sebanyak 44.95 %. Ini menunjukkan dikalangan rakyat Malaysia terutamanya pelajar Kolej Komuniti mempunyai masalah berkaitan dengan keyakinan dan kebolehan diri. Masalah ini jelas menunjukkan bahawa kajian terkini tentang tahap efikasi kendiri keusahawanan pelajar perlu dilaksanakan.

Kekurangan kemahiran keusahawanan turut menyumbang kepada permasalahan yang dihadapi oleh pelajar Kolej Komuniti. Pelajar tidak mempunyai kemahiran praktikal yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan seperti pengurusan kewangan, pemasaran, dan pengurusan operasi (Suraiya et al.2018) . Pelajar perlu mendapatkan latihan dan pendidikan tambahan untuk menguatkan kemahiran keusahawanan mereka (Bell & Liu, 2019). Melalui pengetahuan dan kemahiran keusahawanan boleh membantu negara mengurangkan masalah pengangguran. Kemahiran adalah faktor penting untuk melahirkan usahawan kerana secara positif (Mazlina & Maitilee ,2015). Namun, dalam aspek pendidikan dan kemahiran, isu yang dihadapi oleh IPT adalah penurunan bilangan graduan usahawan (Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2021) serta peranan yang dimainkan oleh kemahiran digital ini terhadap pemikiran yang memacu tindakan keusahawanan tidak dibangunkan sepenuhnya. Graduan usahawan merujuk kepada graduan bekerja sendiri dan majikan. Ini di sokong dengan Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2022 mendapati kadar graduan usahawan menurun sebanyak 5.5 % dari tahun 2020 hingga 2021. Ini di ikuti dengan graduan usahawan bagi Kolej Komuniti juga menunjukkan penurunan pada tahun 2021 sebanyak 15.2% berbanding tahun 2020 iaitu 18.5%. Apabila bilangan graduan usahawan menurun terdapatnya kesukaran mengimbangi penawaran dan permintaan (*supply and demand*) tenaga kerja dalam pelbagai sektor (Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2021). Lambakan graduan tanpa nilai tambah dan memilih pekerjaan menyebabkan majikan teliti dalam memilih bakal pekerja (DKN 2030). Selain daripada itu, statistik menunjukkan bahawa pengangguran dalam kalangan graduan baru IPT pada tahun 2018 adalah sekitar 19.8% atau seramai 57,411 orang sementara peratus kekosongan kategori kerja mahir dan separuh mahir yang belum diisi pada suku kedua 2018 ialah sebanyak 159,000. Peratusan graduan lelaki yang menjadi usahawan lebih tinggi berbanding perempuan, kecuali graduan kolej komuniti, IPTS dan UA (Laporan Kajian Pengesahan Graduan 2022). Kadar belum bekerja bagi graduan lelaki pula adalah 13.0 peratus manakala graduan perempuan adalah 15.6 peratus.

Bagi menutup jurang pada permasalahan ini, pembolehubah yang diperlukan adalah minda keusahawanan pelajar. Ancaman boleh diatasi dengan pemikiran yang betul tentang sifat keupayaan, dan pemikiran ini boleh diajar (Joshua, 2004). Minda keusahawanan merupakan jenis pemikiran yang mempengaruhi cara pelajar bertindak terhadap hasil dan aktiviti keusahawanan. Pelajar dengan minda keusahawanan akan lebih cenderung untuk mencari idea baharu, peluang dan produk reka cipta. Kekurangan kajian berkaitan minda keusahawanan telah diketengahkan sebelum ini (Cui et. al.,2019). Semangat keusahawanan menyebabkan pelajar sentiasa mencari peluang untuk menggerakkan perniagaan mereka sendiri ke tahap yang lebih mencabar. Semangat ini boleh diberikan jika pelajar bersedia untuk mengubah orientasi pemikiran minda mereka daripada keusahawanan berdasarkan keperluan kepada berdasarkan peluang dan inovasi.

Perubahan ini hanya dapat direalisasikan dengan peralihan daripada pemikiran tetap (*fixed mindset*) kepada pemikiran pertumbuhan (*growth mindset*). Dengan langkah ini, negara boleh meningkatkan jumlah bilangan graduan usahawan yang berasaskan peluang dan inovasi. Seseorang yang memiliki tahap efikasi kendiri yang baik mampu memotivasi diri untuk berdepan dengan kesulitan yang dihadapi dan menjadikannya sebagai pengajaran pada masa hadapan. Seseorang yang mempunyai keyakinan diri bahawa mampu melakukan perkara yang dianggap sukar, sentiasa berfikir positif dan dapat mengendalikan emosi dengan baik. (Wan Mohamed et.al.,2019).

## Cadangan Menanggani Permasalahan Pelajar Kolej Komuniti Dalam Menguasai Minda Keusahawanan

Untuk mengatasi isu dan permasalahan ini, pelajar kolej komuniti perlu diberi akses kepada latihan keusahawanan yang berkualiti, sokongan dan mentorship dari pakar keusahawanan, dan peluang untuk menjalankan perniagaan secara praktikal. Pelajar perlu dibekalkan dengan sumber maklumat dan bimbingan yang mencukupi untuk membantu mengatasi ketakutan dan kekurangan mereka dalam menceburи bidang keusahawanan. Terdapat beberapa cadangan untuk menangani permasalahan pelajar kolej komuniti dalam menguasai minda keusahawanan iaitu dengan menyediakan program pembelajaran yang terarah dan praktikal. Kolej komuniti perlu menyediakan program pembelajaran yang memberi tumpuan kepada aspek praktikal keusahawanan, seperti simulasi perniagaan, latihan pitch, dan projek keusahawanan. Ini akan membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan teori mereka dalam situasi sebenar dan membangunkan kemahiran keusahawanan mereka. Seterusnya adalah memperkenalkan mentor keusahawanan Kolej komuniti di mana pelajar akan diberi peluang untuk mendapat tunjuk ajar daripada usahawan berjaya atau pakar industri. Hal ini akan membantu pelajar mendapat pandangan dan nasihat praktikal daripada individu yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan.

Selain itu juga, mewujudkan ruang kerja bersama untuk pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan. Ruang ini akan menjadi tempat untuk pelajar berkongsi idea, berkolaborasi, dan mengembangkan projek keusahawanan mereka bersama-sama. Di samping itu, olej komuniti juga perlu menyediakan sokongan secara holistik kepada pelajar dalam mengembangkan minda keusahawanan. Sokongan ini boleh termasuk bimbingan kerjaya, motivasi, dan pembangunan kemahiran *soft skills* yang diperlukan dalam bidang keusahawanan. Dengan cara ini, pelajar kolej komuniti dapat menguasai minda keusahawanan dan bersedia untuk melangkah ke alam keusahawanan dengan keyakinan dan keberanian. Pelajar dengan minda keusahawanan akan lebih cenderung untuk mencari idea baharu, peluang dan produk reka cipta. Semangat keusahawanan menyebabkan pelajar sentiasa mencari peluang untuk menggerakkan perniagaan mereka sendiri ke tahap yang lebih mencabar. Semangat ini boleh diberikan jika pelajar bersedia untuk mengubah orientasi pemikiran minda mereka daripada keusahawanan berdasarkan keperluan kepada berdasarkan peluang dan inovasi. Dengan langkah ini, negara boleh meningkatkan jumlah bilangan graduan usahawan yang berdasarkan peluang dan inovasi.

Set minda keusahawanan dalam diri pelajar dapat ditingkatkan bagi membantu mereka menghadapi dunia pekerjaan dan industri selepas bergelar graduan (Aida, 2022). Kajian terdahulu membincangkan idea minda keusahawanan dalam bidang psikologi khususnya dalam kajian psikologi personaliti dan mendapati minda keusahawanan mempunyai kaitan positif dengan keupayaan diri (Zupan et al., 2018; Morris & Tucker, 2021). Tambahan pula, ramai penyelidik menumpukan pada pemikiran keusahawanan dan faktornya seperti pengetahuan, kemahiran, kebolehan, idea kreatif, dan sikap terhadap keusahawanan (Green et al., 2020; Rodriguez & Lieber, 2020; Saptono et al., 2020) percaya bahawa minda keusahawanan dikaitkan dengan sikap individu dan tindakan keusahawanan. Minda keusahawanan merupakan penentu keputusan pelajar dalam kerjaya keusahawanan (Karim & Venkataiah, 2016). Minda positif pelajar terhadap keusahawanan telah dikenal pasti sebagai penyelesaian penting untuk menyelesaikan masalah pengangguran graduan dan minda keusahawanan didapati menjadi peramal aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar (Ayesha, 2017). Tambahan pula, peralihan graduan atau pelajar ke pasaran buruh dengan

sedikit atau tiada minda keusahawanan yang positif telah memberi kesan buruk kepada pembangunan negara di dunia (Ayesha, 2017). Salah satu faktor yang boleh membantu memupuk peralihan ekonomi ialah bergantung kepada graduan universiti yang dilengkapi dengan pengetahuan keusahawanan dari zaman universiti.

### Kesimpulan

Kesimpulan dari kertas kerja ini, telah dikenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam usaha untuk menguasai kemahiran minda keusahawanan. Antara cabaran tersebut termasuk kurangnya pengetahuan dan pemahaman tentang keusahawanan, kurangnya sokongan dan sumber untuk aktiviti keusahawanan, ketakutan terhadap kegagalan dan kurang keyakinan diri. Justeru, pihak pengurusan Kolej Komuniti perlu Kolej komuniti perlu menyediakan program pembelajaran, memperkenalkan mentor keusahawanan Kolej komuniti, mewujudkan ruang kerja bersama untuk pelajar dan menyediakan sokongan secara holistik kepada pelajar dalam mengembangkan minda keusahawanan. Dengan demikian, penting untuk kolej komuniti menyediakan peluang dan sokongan yang mencukupi untuk pelajar mengembangkan minda keusahawanan. Ini boleh dilakukan melalui program latihan, seminar, bengkel dan sesi mentoring yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan pelajar dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, penting juga bagi pelajar untuk mencari pengalaman praktikal dalam bidang keusahawanan melalui program pertukaran pelajar, penyertaan dalam pertandingan atau aktiviti keusahawanan tempatan. Dengan usaha dan sokongan yang mencukupi, pelajar kolej komuniti pasti dapat mengatasi cabaran dalam menguasai minda keusahawanan dan berjaya dalam memulakan perniagaan mereka sendiri. Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan latihan dan penambahbaikan dalam literasi digital, sikap keusahawanan, dan keberkesanan keusahawanan untuk memastikan pelajar berpotensi mempunyai minda keusahawanan yang kukuh. Justeru itu, pelajar Kolej Komuniti berpotensi untuk menjadi seorang usahawan berminda keusahawanan yang berjaya.

### Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), khususnya kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan (FPEND) terutama sekali kepada pensyarah Pendidikan Perniagaan dan Keusahawanan kerana telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kertas kerja ini. Dirakamkan penghargaan juga kepada pihak suami atas bantuan dana untuk menerbitkan dan menyelesaikan kertas kerja ini.

### Rujukan

- Anuar, A. S., & Sahid, S. Kesan Pendidikan Keusahawanan ke atas Set Minda Keusahawanan: Pengaruh Pengantar Faktor Kognitif.
- Bell, R., & Liu, P. (2019). Educator challenges in the development and delivery of constructivist active and experiential entrepreneurship classrooms in Chinese vocational higher education. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 26(2), 209-227. <https://doi.org/10.1108/jsbed-01-2018-0025>
- Cui, J., Sun, J., and Bell, R. (2019). The impact of entrepreneurship education on the entrepreneurial mindset of college students in China: The mediating role of inspiration and the role of educational attributes. *Int. J. Manag. Educ.* 19:100296. doi: 10.1016/j.ijme.2019.04.001

- De Clercq, D., Honig, B., & Martin, B. (2013). The roles of learning orientation and passion for work in the formation of entrepreneurial intention. *International small business journal*, 31(6), 652-676.
- Fragoso, R., Rocha-Junior, W., & Xavier, A. (2020). Determinant factors of entrepreneurial intention among university students in Brazil and Portugal. *Journal of Small Business and Entrepreneurship*, 32(1), 33–57. <https://doi.org/10.1080/08276331.2018.1551459>.
- Green, D., Taylor, G., and Ford, V. (2020). Cultivating the entrepreneurial mindset in today's small liberal colleges and universities. *J. Entrep.* 4, 14–26.
- Ishak, S., Che Omar, A.R., Al Bakri, FM., & Osman, L.H., (2018). Amalan pembelajaran dan kesannya terhadap pembentukan pengetahuan serta kemahiran perniagaan dalam kalangan Generasi Z. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 15–28.
- Karim, S., & Venkataiah, C. (2016). A comparative study on attitude towards entrepreneurship among MBA and other students. *International Journal of Science Technology and Management*, 5(1), 23-34.
- Mary Yap Kain Ching. (2015). Guru berperanan lahir pelajar capai standard global. Dilihat 28 Februari. 2021 dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/74472/guru-berperanan-lahir-pelajarcapai-standard-gobal>
- Mohammad, A. & Abdullah, S., Abu Bakar, L. J. (2015). Transformasi Pemikiran Keusahawanan Bagi Dimensi Mengenal Peluang Keusahawanan dalam Kalangan OKU. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 68–76.
- Mustapha, M., & Selvaraju, M., 2015. Personal attributes, family influences, entrepreneurship education and entrepreneurship inclination among university students. *Jurnal Kajian Malaysia* 33(1): 155-172.
- Naumann, C. (2017). Entrepreneurial mindset: A synthetic literature review. *Entrepreneurial Business and Economics Review*, 5(3), 149–172. <https://doi.org/10.15678/EBER.2017.050308>
- Norfadhilah, N. & Halimah, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1) (2010): 11-17.
- Nurfadillah 1, Y. K. (2020). Naskah publikasi. *Occupational medicine*, 53(4), 130.
- Omardin, Mohammad Affendy (2019). Mengarus Perdana Program TVET Aras Tinggi Transformasi Minda Berkemahiran Tinggi. Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam, Universiti Malaysia Pahang
- Othman, N., Anuar, A., & Husin, M., (2009). Kekangan dalam menjalankan dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 87-107.
- Rodriguez, S., & Lieber, H. (2020). Relationship between entrepreneurship education, entrepreneurial mindset, and career readiness in secondary students. *Journal of Experiential Education*, 43(3), 277-298.
- Saptono, A., Wibowo, A., Narmaditya, B. S., Karyaningsih, R. P. D., and Yanto, H. (2020). Does entrepreneurial education matter for Indonesian students' entrepreneurial preparation: The mediating role of entrepreneurial mindset and knowledge. *Cogent. Educ.* 7:1836728. doi: 10.1080/2331186X.2020.1836728